



Buletin **JAWHAR**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



جابتني وقف
زكاة دان حج

• PRAGMATIK • RESPONSIF • OBJEKTIF

Bil. 4/2007

ISSN 1985-2029

& HAJI (JAWHAR)
MENTERI
N STRATEGIK JAWHAR
OLEH:
ULLAH BIN M
ERDANA MENTERI
R 2007
H 1428H

**Selamat Menyambut
Maal Hijrah 1429H**

Menarik Di Dalam

- Penghayatan dan Pengertian Maal Hijrah
- Mudharabah : Pelaburan Penjana Pembangunan Ekonomi Ummah
- Wakaf Dalam Perspektif Islam
- Zakat Sebagai Wadah Pembasmian Kemiskinan





Kata-Kata Aluan Ketua Pengarang

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T., kepadanya kita memohon keampunan, pertolongan, taufik dan hidayah serta perlindungan daripada segala keburukan hawa nafsu dan amalan. Selawat dan salam kita ucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., utusan yang telah menerangi sekalian alam dengan cahaya keimanan, juga buat keluarga baginda, para sahabat serta seluruh para solihin dan semua penyambung perjuangan baginda di mana juga mereka berada.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan hidayahnya, buletin yang ke-4 ini berjaya disempurnakan mengikut jadual. Saya mengucapkan syabas kepada sidang editor JAWHAR kerana berjaya meneruskan kesinambungan penerbitan Buletin JAWHAR ini.

Sidang Editor

Penasihat:

Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

Ketua Editor:

En. Abd Ghafar bin Yusof

Editor:

En. Mohd Gunawan bin Che Ab. Aziz

En. Hasan Hafizi bin Hanapi

Cik Arifah binti Mohd Zahudi

Grafik:

Misas Advertising Sdn. Bhd.

Jurutaip:

Cik Dahlia binti Ishak

Pn. Rohaizah binti Mohd Rojulan

Cik Nurulaini binti Rustam

Jurufoto:

En. Abdul Khalid Azamir bin Abdul Halim

En. Abdul Aziz bin Ahmad

Hakcipta Terpelihara

© JAWHAR 2007

PENAFIAN :

JAWHAR tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penulisan dan artikel yang disiarkan dan ia juga tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Jabatan.


Maal Hijrah merupakan satu landasan untuk umat Islam mengorak langkah bagi menyemarakkan semangat untuk mencapai kejayaan yang telah dirintis oleh Rasulullah S.A.W. Biarpun begitu, apa yang lebih penting ialah sejahtera manusia Islam kini benar-benar mendalamai, menghayati dan menjalani hijrah ini sebagai sebahagian daripada hidup mereka. Dalam konteks pembinaan ummah, roh hijrah adalah suatu keutamaan. Semangat hijrah inilah yang pernah menjadi asas pembinaan Tamadun Islam. Maka dengan semangat hijrah yang sama inilah juga, kita perlu menjana keterbilangan keimanan, keilmuan dan sosio-ekonomi ummah hari ini. Semangat hijrah atau perubahan ini adalah selari dengan firman Allah S.W.T.: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri" (Surah ar-Ra'd: 11).

Erti sebenar Hijrah ialah berubah kepada yang lebih baik. Justeru, JAWHAR telah mengorak langkah dalam memetakan hala tuju hijrah yang jelas untuk masa depan JAWHAR. Berseuaian dengan etika pengurusan JAWHAR yang berteraskan kepada Prinsip HIJRAH iaitu: Hemah dan Beradab, Integriti dan Telus, Jati Diri Kental, Komited dan Profesional, Responsif dan Menepati Masa, Akrab dan Kerja Berpasukan, serta Hikmah dan Berpengetahuan.

Pelancaran Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) pada 30 November 2007 merupakan satu lagi komitmen dan penghijrahan JAWHAR dalam menggariskan hala tuju yang jelas dan mantap dalam usaha mencapai objektif penubuhannya. Sempena musim Haji yang baru berlalu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat pulang kepada Jemaah Haji terutamanya kepada Ketua Pengarah JAWHAR, Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh yang bertugas mengikuti rombongan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengerjakan haji serta empat orang pegawai JAWHAR yang selesai menjalankan pemantauan bagi tujuan penambahbaikan dalam urusan Haji.

Akhir kata, sempena tahun baru Hijrah dan Masihi yang baru disambut, marilah kita sama-sama terus berusaha dalam meningkatkan diri dan akan terus mendapat keberkatan dan segala usaha kita dinilai sebagai amal yang soleh dan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah S.W.T.

وَالسَّلَامُ


Abd Ghafar bin Yusof
Timbalan Ketua Pengarah
JAWHAR



Dari Meja Ketua Pengarah JAWHAR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, diberi kesempatan untuk memberi sepatch dua kata dalam Buletin JAWHAR buat kali ke-4, bagi permulaan tahun 2008M / 1429H.

Suka juga saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan hasrat Jabatan untuk menerbitkan Buletin JAWHAR. Dengan terbitnya buletin ini dan juga pengakhir bagi tahun 2007, masyarakat dapat mengetahui perkembangan dan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2007. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga JAWHAR yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan pelancaran Pelan Strategik Jawhar 2007-2011 yang telah dilancarkan pada 30 November 2007 di PICC, Putrajaya yang mana ianya menjadi mercu kejayaan jabatan.

Semoga dengan pelancaran Pelan Strategik Jawhar 2007-2011 dan empat Manual Siri Pengurusan JAWHAR yang lalu dapat dijadikan garis panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk mengendalikan segala urusan berkaitan hal-ehwal wakaf, zakat, mal dan haji serta dapat memantapkan lagi pentadbiran dan pengurusan institusi wakaf, zakat, mal dan haji di negara ini. Sekaligus merealisasikan matlamat utama penubuhan JAWHAR untuk membantu pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji di seluruh negara supaya menjadi lebih efisien serta mampu meningkatkan keberkesanannya dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih gemilang.

Suka saya memetik kata-kata Dato' Dr. Abdullah Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, "Pelancaran Pelan Strategik ini juga diharap mampu menangkis dakwaan penubuhan JAWHAR yang bertujuan mengambil alih fungsi dan kuasa negeri dalam urusan wakaf, zakat, mal dan haji.". Kata-kata tersebut bukan sahaja dapat menangkis tanggapan seluruh MAIN malah ianya dapat memperjelaskan lagi fungsi penubuhan JAWHAR yang sebenarnya.

Alhamdulillah juga, kita masih diberi peluang dan kesempatan oleh Allah S.W.T. kerana diberi nafas dan nikmat untuk sama-sama menyambut kedatangan awal Muharam tahun 1428H ini. Semoga dengan kedatangan tahun baru ini, kita semua dapat mengambil pelbagai iktibar serta contoh teladan dari peristiwa hijrah Rasulullah S.A.W. dari kota Mekah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah. Peristiwa yang menjadi titik tolak kepada perjuangan Islam yang sangat penting apabila generasi awal menjadikan hijrah sebagai permulaan tahun bagi umat Islam, yang berbeza dengan umat yang lain dalam dunia. Ini menandakan perlunya kita mengambil iktibar dan pengajaran daripada perkara yang berlaku dalam hijrah itu. Di antara perkara yang penting di dalam peristiwa hijrah ialah menunaikan kewajipan menegakkan pemerintahan yang mendaulatkan syariat Allah S.W.T. yang benar-benar memberi keadilan kepada manusia sejagat kerana mesej Islam adalah mesej untuk seluruh manusia di sepanjang zaman.

Selain itu kita juga mengambil sebanyak mungkin peluang untuk memperbaiki mutu kerja kita dalam menjunjung tinggi kalimah 'Lailaha illallah' serta tugasan harian kita yang lain. Sebaik-baik akhlak adalah akhlak yang dibawa oleh junjungan besar Rasulullah S.A.W. Jika kita meletakkan Allah S.W.T. sebagai matlamat, insya-Allah kita semua akan jadi mudah untuk melakukan sebarang tugas dalam hidup kita.

Di samping itu juga, perlulah diketahui bahawa pengertian hijrah bukan sahaja terbatas kepada pengertian perpindahan dari satu tempat atau negeri ke tempat yang lain, tetapi ia meliputi makna maknawi iaitu berpindah daripada sifat atau perbuatan yang kurang baik atau tidak baik kepada yang baik. Pengajaran daripada hijrah Nabi S.A.W. di antaranya ialah kita perlu melakukan pengorbanan untuk membawa perubahan. Ini kerana tiada perubahan yang tidak memerlukan pengorbanan. Perubahan adalah suatu tuntutan dalam kehidupan manusia. Ia meliputi perubahan daripada perkara yang buruk kepada yang baik, dan daripada yang baik kepada yang lebih baik.

Oleh yang demikian, kita perlu memiliki semangat dan cita-cita untuk berubah dan berjaya dalam segenap lapangan kehidupan. Hijrah juga tidak akan terlaksana sepenuhnya tanpa gandingan iman dan jihad, tidak kira sama ada hijrah pada pengertian sebenar iaitu berpindah tempat ataupun hijrah hati dan jiwa daripada keburukan kepada kebaikan.

Dan saya pada kesempatan ini mengajak seluruh umat Islam warga khususnya JAWHAR supaya kita sama-sama menghidupkan semangat hijrah bagi menyambung perjuangan Rasulullah S.A.W. dan generasi awal Islam. Mudah-mudahan dengan kenangan itu dapat menimbulkan kesedaran di kalangan umat Islam bahawa kemuliaan Islam dan kewujudan negara Islam bukanlah diperoleh dengan mudah. Sebaliknya ia perlu melalui perjuangan yang gigih dan pengorbanan tenaga dan jiwa raga.

Akhir kata sebagai pembuka tirai 2008, bersama-sama lah kita berdoa kepada Allah S.W.T. semoga jabatan ini akan lebih mantap dan agar JAWHAR sentiasa relevan dengan arus pembangunan negara dan menjadi peneraju tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji di masa-masa hadapan dan semoga segala yang telah dicapai oleh JAWHAR sepanjang tahun 2007 ini juga mendapat keberkatan daripada-Nya juga.

وَالسَّلَامُ

Dr. Hj. Sohaimi H. Mohd Salleh
Ketua Pengarah
JAWHAR

Selamat Menyambut MAAL HIJRAH 1429H

Oleh: Mashitah binti Abdullah

Pada 1 Muharram 1429H bersamaan 10 Januari 2008M adalah bermulanya Tahun Baru Islam. Ia disambut serentak di semua negeri dan dikenali dengan Sambutan Maal Hijrah. Peristiwa Hijrah adalah perpindahan Rasulullah S.A.W. dari Mekah ke Madinah, ia merupakan satu titik sejarah yang amat penting erti bagi umat Islam. Hijrah juga penentuan perkembangan Islam dan kekuatan ummah di atas bumi ini.

Pentingnya Hijrah itu tidak dapat dinafikan kerana ia adalah satu Sunnah Nabi yang memberi pedoman terhadap sikap dan gerak-geri ummah. Antaranya, dengan adanya Hijrah maka kedudukan umat Islam telah berubah. Sekiranya dilihat sebelum Hijrah umat Islam telah dihina, disekska dan dihalang daripada melakukan tuntutan-tuntutan agama tetapi setelah berhijrah Rasulullah S.A.W. dan umat Islam tidak lagi menerima penghinaan, penindasan dan penyeasaan. Sokongan dan pengorbanan kaum Muslimin Madinah telah berjaya melepaskan penderitaan dan cengkaman golongan Musyrikin terhadap orang-orang Islam Mekah.

Selain itu, Hijrah juga telah mengubah keadaan kesempitan hidup yang dialami umat Islam dalam bidang ekonomi. Di Madinah khususnya orang-orang Islam berpeluang dan berjaya membangunkan ekonomi mereka. Hijrah juga menjadikan kumpulan Muslimin yang suatu ketika kecil bilangannya di Mekah tetapi telah bertambah besar dan kuat sehingga terbentuknya sebuah negara Islam di Madinah. Negara Islam yang baru muncul itu kemudian telah berkembang maju dan kuat sehingga dapat menandingi pemerintah-pemerintah lain di sekitarnya. Kepimpinan yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. sebagai Ketua Negara Islam Madinah yang kemudiannya diteruskan oleh sahabat-sahabat baginda yang jujur, amanah dan ikhlas telah berjaya menyebarkan Islam ke seluruh pelusuk dunia.

Hijrah Rasulullah S.A.W. dari Mekah ke Madinah juga memberi pengajaran yang penting kepada umat Islam. Untuk memastikan perkembangan agama Islam, baginda sanggup berundur dahulu dan merintis jalan yang lain yang lebih selamat. Demikian juga dengan umat Islam kini lemah dalam pelbagai bidang perlu mencari jalan untuk meningkatkan pengetahuan dan memperkuuhkan ekonomi agar dapat mengatasi kelemahan yang dihadapi.

Firman Allah dalam surah Al-Zumar: ayat 9:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ
إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Maksudnya: "Katakanlah, adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui, sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna".

Ilmu pengetahuan juga merupakan unsur penting dalam usaha kita mencapai tahap kesempurnaan iman kepada Allah S.W.T.

kerana kedudukan ilmu tidak dapat dipisahkan dengan amalan yang dilakukan oleh seseorang muslim untuk memelihara imannya. Allah S.W.T. telah memberikan jaminan bahawa setiap hambanya yang berilmu dijanjikan dengan martabat yang tinggi. Lebih-lebih lagi, dengan segala ilmu yang dimiliki, seseorang itu menjadi lebih taat kepada perintah Allah sebagaimana dijelaskan dalam Surah Al-Mujadalah: ayat 11, Allah S.W.T. berfirman:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ عَمِّنْ
مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: "Allah Ta'ala akan meninggikan orang-orang yang beriman diantara kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjah, dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui tentang apa yang kamu lakukan".

Dalam waktu yang sama umat Islam perlu memperkuatkan ilmu kerohanian agar dapat menghadapi cabaran globalisasi. Berundur sementara bukan bermakna kegagalan, ini telah dibuktikan oleh peristiwa Hijrah Rasulullah S.A.W., ia merupakan suatu strategi. Umat Islam tidak harus merasa bimbang dengan perubahan dan pembaharuan. Manakala perbuatan atau tindakan yang diambil itu boleh mengubah keadaan baik kepada yang lebih baik.

Hijrah juga mengajar umat Islam berpindah atau berubah sikap yang kurang baik yang tidak menguntungkan kepada sikap yang lebih berfaedah walaupun terpaksa berhadapan dengan berbagai dugaan. Nasib umat Islam tidak akan berubah sekiranya umat Islam tidak mahu mengubahkannya. Sikap manja, kurang berusaha, mengharap belas kasihan orang adalah sifat-sifat hina yang tidak disukai oleh Islam dan bertentangan dengan semangat Hijrah ini.

Hijrah boleh juga diertikan sebagai "keluar" daripada sesuatu kedudukan atau keadaan yang buruk atau tertekan kepada keadaan yang lebih selesa dan terjamin. Umat Islam mestilah mengutamakan unsur ikhtiar dalam hidupnya setiap hari kerana penghijrahan Rasulullah S.A.W. tidak menyerah segala-galanya ke hadrat Ilahi, sebaliknya umat Islam mesti berikhtiar bagi menjayakan apa juga projek atau aktiviti untuk kebaikan diri dan ummah. Umat Islam tidak seharusnya menyalahkan takdir jika gagal kerana jika berikhtiar dan mencapai, itu juga takdir.

Sebenarnya kerajaan telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Namun terdapat segelintir yang terlalu memilih perkerjaan. Kesan daripada itu pekerjaan telah dipenuhi oleh warga asing di sektor pertanian, perkilangan dan profesional. Selaras dengan semangat Hijrah ini, anak-anak muda perlu menerokai dan merebut peluang yang disediakan oleh Kerajaan bagi mengerjakan tanah-tanah yang terbiar dengan aktiviti-aktiviti pertanian serta juga industri kecil. Umat Islam hendaklah perlu berikhtiar menggunakan ilmu pengetahuan untuk memperkenalkan apa-apa pembaharuan, walaupun secara kecil-kecilan, bagi memudahkan umat Islam menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian atau industri kecil di luar

bandar. Peristiwa Hijrah juga mengajar kita supaya bersedia menghadapi sebarang cabaran atau kemungkinan dan berusaha mengelakkan sebarang kemungkinan yang tidak diingini berlaku. Sebelum Hijrah, Rasulullah S.A.W. telah merapatkan perhubungan dengan pembesar-pembesar Madinah dan sudah terdapat perjanjian dan sumpah setia orang Madinah kepada Baginda. Apabila tiba di Madinah, umat Islam telah menghadapi beberapa percubaan daripada kaum Jahiliyah yang ingin menawan Madinah. Semua dugaan ini telah dapat diatasi oleh Rasulullah S.A.W. dan pengikut-pengikutnya, apabila mereka bersedia untuk

menghadapi kemungkinan-kemungkinan buruk dan tentangan-tentangan seperti itu dengan iman yang teguh dan bersatu.

Apa yang telah disebutkan adalah sebahagian daripada pelajaran yang boleh diperolehi daripada peristiwa yang amat penting dalam sejarah perkembangan Islam. Sambutan Ma'al Hijrah yang diadakan setiap tahun, umat Islam boleh mengambil peluang ini untuk memulakan suatu perubahan dalam kehidupan. Oleh itu, umat Islam harus menyambut Maal Hijrah dengan penuh kesedaran, penghayatan serta kesyukuran daripada peristiwa yang penuh bermakna ini.

LAWATAN KERJA KE TANAH SUCI

TAHUN 1428H, 12 DISEMBER 2007 - 13 JANUARI 2008

Oleh: Hasan Hafizi bin Hanapi

Penghantaran empat (4) orang pegawai Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR) ke Tanah Suci bagi melaksanakan Kajian Pengendalian Operasi Haji pada asalnya dijadualkan bermula pada 1 Disember 2007 dan berakhir pada 30 Disember 2007. Bagaimanapun setelah perbincangan dan mendapatkan khidmat nasihat dari pihak Pengurusan Lembaga Tabung Haji (LTH), tarikh penerbangan ke Tanah Suci telah bertukar kepada 12 Disember 2007 dan penerbangan pulang telah dijadualkan pada 13 Januari 2008.

Setelah mengikuti Kursus Haji Perdana pada 27 dan 28 Oktober 2007 dan Kursus Intensif Haji pada 3 dan 4 Disember 2007, majlis doa selamat telah diadakan pada 2 dan 4 Disember 2007 sebagai persiapan terakhir agar lawatan kerja ini sentiasa diper mudahkan Allah S.W.T. dan akan mencapai matlamatnya. Lawatan kerja ini telah berlepas ke Tanah Suci bersama-sama jemaah haji KT 94 yang merupakan penerbangan kedua terakhir untuk musim haji 1428H. Penerbangan MH8086 telah berlepas dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 5.20 petang waktu tempatan dan telah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdul Aziz, Jeddah pada jam 10.40 malam waktu Arab Saudi. Setelah melalui pemeriksaan imigresen yang lancar, kami memulakan perjalanan ke Mekah dengan menaiki bas pada jam 1 pagi. Kami tiba di Tanah Suci Mekah menjelang Subuh 13 Disember 2007 dan telah ditempatkan di Ibu Pejabat Tabung Haji di Janadiriyyah (kira-kira 850 meter dari Masjidil Haram). Setelah selesai urusan penempatan dan mendapat sedikit penerangan berkaitan urusan bagasi (bagasi kami mengalami sedikit kelewatan kerana didapati tiada di dalam bas yang dinaiki dari Jeddah), kami terus ke Masjidil Haram untuk menyelesaikan umrah (kami telah dinasihatkan untuk melaksanakan Haji Tamattuk kerana kesesuaian tugas yang telah diamanahkan).

Menunaikan ibadat haji di Tanah Suci merupakan suatu kemestian kepada setiap umat Islam yang berkemampuan. Peluang keemasan yang dikurniaan ini sememangnya anugerah yang tidak ternilai. Setiap jemaah yang mendapat peluang ini perlulah bersyukur kerana dijemput menjadi tetamu istimewa Allah S.W.T. yang dipilih khas daripada kalangan hamba-Nya. Betapa



ramai di kalangan hamba-Nya mempunyai kemampuan dari segi kewangan dan kesihatan tubuh badan tetapi tidak mempunyai peluang untuk ke Tanah Suci. Untuk itu, rasa kesyukuran di atas nikmat yang telah dikurniakan perlulah diterjemahkan dengan sebaiknya. Anggapan yang mengatakan ibadat haji hanyalah amalan di penghujung usia perlu dikikis kerana syarat utama kewajipan menunaikan haji adalah kemampuan dan keupayaan. Dibimbangi apabila usia sudah semakin lanjut, keupayaan fizikal pula yang menjadi penghalang kepada kesempurnaan ibadat. Selain itu, aspek pengetahuan yang jelas berkaitan ibadat haji amat penting agar setiap amalan yang dilaksanakan adalah bertepatan dengan tuntutan agama. Semoga ibadat haji yang

Program



Puan Norhazimah (Ketua kumpulan lawatan) sempat bertemu dengan Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR di Mina yang mengikuti rombongan SPB YDPA.



telah dilaksanakan memberikan nilai tambah di dalam setiap aspek kehidupan. Kesungguhan beribadat dan kepatuhan kepada tuhan semasa menunaikan haji diteruskan di dalam amalan sehari-hari.

Walaupun Tanah Suci Mekah merupakan tempat ibadat yang amat mulia, tanggungjawab yang tergalas sebagai ahli pasukan kajian tidak pernah dilupakan. Setiap ahli akan memulakan tugasannya harian dengan menemubual jemaah-jemaah haji di sebelah pagi, seterusnya diikuti dengan mengadakan lawatan ke maktab-maktab yang telah dikenalpasti serta di sebelah malam selepas waktu Isyak pula kami sentiasa mengadakan pertemuan bagi membincangkan cadangan-cadangan yang diutarakan oleh Jemaah Haji serta berkongsi penemuan-penemuan serta idea-idea berkaitan kajian ini. Lawatan kerja ini merupakan lawatan kerja yang kedua diadakan oleh JAWHAR yang mana telah dimulakan pada musim haji tahun 1426H yang lalu. Lawatan kali ini lebih tertumpu kepada melaksanakan kajian berdasarkan ekspektasi Jemaah Haji terhadap pengendalian operasi haji secara keseluruhan. Untuk tujuan tersebut, soalan kaji selidik telah disediakan sebanyak 500 set untuk diagihkan kepada jemaah haji yang terpilih secara rawak di penghujung lawatan kerja ini nanti (soalan kaji selidik dijadualkan untuk diagihkan kepada jemaah haji semasa di Madinatul Hajj, iaitu di tempat penginapan sementara di Jeddah sebelum penerbangan pulang ke tanah air). Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas, lawatan kerja ini juga telah mengadakan perjumpaan dan sesi temubual bersama Pegawai-pegaui Tertinggi Lembaga Tabung Haji (LTH). Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Pegawai-pegaui Tertinggi LTH yang telah memberi taklimat, penerangan, nasihat dan telah memberikan banyak bantuan sepanjang tempoh lawatan di Tanah Suci ini.

Suasana di Tanah Suci Mekah pada masa tersebut telahpun mulai meriah dengan kehadiran bakal Jemaah Haji dari seluruh pelusuk dunia yang telah memenuhi Tanah Suci Mekah. Ibadat haji mendidik umat Islam serta memberikan pengajaran tentang persaudaraan, silaturrahim, toleransi, kasih sayang, kesamarataan serta keharmonian di antara pelbagai bangsa tanpa mengira darjah dan harta, rupa dan warna kulit. Nilai-nilai inilah yang akan menyinari kehidupan dan membawa rahmat kepada seluruh umat manusia.

Setiap waktu solat, lautan manusia berpusu-pusu ke Masjid al-Haram, sehingga untuk mendapatkan tempat yang selesa di dalam masjid, kami terpaksa berada sejam lebih awal sebelum masuk waktu sembahyang. Pemandangan yang tidak ada di tempat lain, manusia bersesak-sesak untuk beribadat pada Rabb al-Jalil. Subhanallah. Cuaca di Mekah pula pada masa itu panas dan sangat kering kerana Mekah khususnya hanya menerima hujan yang sangat minimum sepanjang tahun 2007.

Perlu juga dimaklumkan Arab Saudi menyambut Hari Raya Aidiladha sehari lebih awal berbanding sambutan di Malaysia. Pasukan kajian telah membuat keputusan untuk menjalani ibadat haji secara berasingan supaya setiap ahli merasai pengalaman yang tersendiri. Suasana di dalam perjalanan tersebut amat indah dengan laungan talbiah serta puji-pujian kepada Tuhan Yang Maha Esa. Semasa di Arafah (khususnya semasa khutbah Arafah) tangisan memohon keampunan jelas kedengaran kerana peluang keemasan untuk mendapatkan keampunan tuhan di bumi yang mulia dan pada tempoh masa yang barakah ini tidak mampu untuk dilepaskan. Masing-masing mendambakan gandaan pahala yang telah dijanjikan, merintih agar segala dosa diampunkan, memohon kelangsungan hidup mendapat keberkatan, nikmat iman sentiasa di bawah lindungan juga memanjatkan doa untuk keluarga dan rakan-rakan.

Setiap amalan di dalam ibadat haji seperti wukuf di Arafah, mabit di Muzdalifah, melontar Jamarat di Mina, tawaf dan sa'e mempunyai banyak rahsianya yang tersendiri. Ada yang diketahui dan masih banyak rahsia yang masih tersimpan dan tidak terjangkau oleh akal dan daya intelek manusia. Sebagai umat Islam yang mengaku beriman kepada Allah S.W.T., haruslah menerima dan meyakini amalan ini dengan penuh taat.

Secara keseluruhan, pengalaman dan peluang menunaikan ibadat haji selain mengadakan lawatan kerja ini amat bernilai dan bermakna sekali. Semoga program seumpama ini berterusan pada tahun-tahun akan datang. Akhirnya didoakan agar Allah S.W.T. menerima ibadat haji seluruh jemaah pada tahun ini. Amin.

MUDHARABAH: PELABURAN PENJANA PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH

Oleh: Rohainun binti Rasdi

Sistem kewangan Islam domestik yang komprehensif, dari segi institusi, pasaran dan peserta kini telah dibangunkan oleh Malaysia menurut acuannya tersendiri. Strateginya adalah menuju rantaian sistem kewangan keseluruhan untuk memastikan sistem berkenaan berfungsi dengan lancar. Inisiatif yang diambil termasuk menuju institusi kewangan yang diperlukan, termasuk institusi perbankan Islam, industri takaful, institusi bukan perbankan, dan membangunkan pasaran wang dan modal Islam. Pembangunan infrastruktur institusi yang menyeluruh dan saling berkait rapat dalam sektor-sektor utama tersebut menjadi nadi perkembangan industri ke peringkat lebih tinggi dan meluas.

Antara sektor yang menyumbang ke arah perkembangan tersebut adalah Pasaran Wang Islam menerusi instrumen seperti Pelaburan Antara Bank Secara Mudharabah (Mudharabah Interbank Investment - MII), Isu Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue - GII), Penerimaan Secara Wadiah (Wadiah Acceptance), Nota Boleh Niaga Bank Negara (Bank Negara Negotiable Notes - BNM), Perjanjian Jual dan Beli Semula (Sell and Buy Back Agreement - SBBA), Bon Mudharabah Cagamas (Cagamas Mudharabah Bond - SMC), Bil Penerimaan Islam (Islamic Accepted Bill - IAB), Instrumen Boleh Niaga Islam (Islam Negotiable Instrument -INI), Sekuriti Hutang Persendirian Islam (Islamic Private Debt Securities), Perjanjian Ar-Rahnu (Ar-Rahnu Agreement), Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia (Sukuk Bank Negara Malaysia Ijarah - SBNMI) dan Komoditi Murabahah (Commodity Murabahah).

Menerusi pasaran tersebut, dapat dilihat konsep mudharabah kini semakin meningkat dan mendapat tempat di Malaysia terutama sekali dalam bidang perbankan oleh institusi-institusi kewangan seperti Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Rakyat, Affin Bank, RHB Bank dan sebagainya. Walaupun ia sebenarnya melibatkan urusan di antara bank dengan bank tetapi ia juga merupakan antara salah satu mekanisme dalam membantu menjana ekonomi ummah masa kini.

Dalam konteks yang lebih luas, mudharabah ialah konsep perniagaan di mana persetujuan kedua-dua pihak untuk menanggung untung dan rugi bersama-sama. Pihak pemodal perlulah sanggup menanggung kerugian dari segi modal manakala pihak pengusaha pula sanggup menanggung kerugian dari segi usaha dan masa. Pihak pengusaha hendaklah merupakan seorang yang amanah untuk menguruskan sesuatu perniagaan dan boleh dipercayai.

Melihat dari perspektif Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah hal ehwal umat Islam, secara halusnya ia boleh menjadi pihak pengantara juga boleh bertindak sebagai penasihat di antara umat Islam dan institusi-institusi kewangan mahupun pemain industri yang berpotensi dan mampu untuk mengembangkan sumber ekonomi ini. Bukan bertujuan untuk menidakkannya institusi kewangan sebagai pihak yang biasanya memainkan peranan menyebarkan salah satu instrumen ekonomi ini, tetapi MAIN sebagai agensi terdekat di hati umat Islam di setiap negeri berhak memainkan peranan bagi kemaslahatan umat Islam sebenarnya.

Bagaimanapun, terdapat pelbagai kekangan terpaksa dihadapi oleh MAIN. Walaupun ia hanya bertindak sebagai pengantara tetapi beban risiko sekiranya berlaku kerugian adalah amat tinggi dan perlu dihadapi sebagai pemegang amanah harta sumber am umat Islam tadi. Justeru itu, kajian dan penyelidikan yang teliti dan berterusan perlu dilakukan misalnya dari segi pengurusan-pengurusan mudharabah merangkumi pengurusan dari segi harta mudharabah, mudharabah dalam mudharabah, pengurusan di luar batasan dan perbelanjaan projek mudharabah. Pengurusan yang pertama iaitu harta mudharabah tidak membenarkan pengusaha mencampur harta mudharabah dengan harta mudharabah lain atau dengan hartanya sendiri tanpa izin tuan punya modal kecuali jika percampuran seperti itu telah menjadi adat kebiasaan di negara berkenaan dalam bidang "Mudharabah Mutlaqah", maka dengan sendirinya percampuran itu dibenarkan. Pengurusan yang kedua iaitu mudharabah dalam mudharabah di mana sekiranya pengusaha hendak menjalankan mudharabah dengan pihak ketiga yang mana ketika itu pengusaha pertama akan menjadi tuan punya modal bagi akad yang kedua maka perlulah terlebih dahulu mendapat keizinan dari tuan punya modal pertama.

Pengurusan yang ketiga iaitu perbelanjaan projek mudharabah adalah situasi di mana semua pembiayaan atau perbelanjaan semasa menjalankan projek mudharabah diambil daripada modal dengan syarat pembiayaan atau perbelanjaan itu tidak melebihi kadar berpatutan. Akhir sekali, pengurusan di luar batasan pula adalah sekiranya pengusaha menjalankan projek mudharabah di luar batasan yang diizinkan oleh tuan punya modal atau tidak mengikut syarat yang ditetapkan maka ia dianggap sebagai perampas dan wajib membayar balik sepenuhnya modal mudharabah kepada tuan punya modal. Kesimpulannya, MAIN boleh bertindak sebagai pemain industri yang hebat dan aktif dalam pasaran wang Islam dan sudah tentu matlamat utamanya adalah memperkasa dan meningkatkan pembangunan ekonomi umat Islam.

LAWATAN KERJA JAWHAR KE JAKARTA, 26 - 31 DISEMBER 2007



MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PENYELARASAN BAITULMAL KEBANGSAAN, 7 - 9 NOVEMBER 2007



MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK JAWHAR 2007-2011, 30 NOVEMBER 2007



TAKLIMAT MEMBANGUNKAN PELAN STRATEGIK DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR, 8 JANUARI 2008



**LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JAWHAR BERSAMA ROMBONGAN HAJI SPB YDPA
MENUNAIKAN IBADAH HAJI DI TANAH SUCI,
10 - 24 DISEMBER 2007**



LAWATAN KERJA JAWHAR DI TERMINAL HAJI SABAH & PULAU PINANG, 19 & 27 NOVEMBER 2007



BENGKEL PENGENALAN MS ISO 9001:2000, 13 - 15 NOVEMBER 2007



WAKAF DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: Nor binti Badar

PENGERTIAN WAKAF

Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jualbeli, pewarisan, hibah dan wasiat disamping mengekalkan sumber fizikalnya ('ain).

Wakaf merupakan suatu pemilikan yang tidak sempurna disebabkan pemilikan 'ain (benda yang diwakafkan) adalah kerana Allah S.W.T. atau dihukumkan sebagai milik Allah S.W.T. Adapun manfaat atau hasil wakaf itu kepunyaan *mauquf alaih* iaitu pihak atau *jihah* orang yang ditentukan menerima manfaat wakaf.

Wakaf juga merupakan suatu pemberian atau sumbangan ikhlas sebahagian daripada harta yang dimiliki untuk kepentingan dan kesejahteraan umum yang dibenarkan oleh syara'.

Harta wakaf boleh menyumbang dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah contohnya dengan mendirikan projek komersil seperti hotel, pusat-pusat perniagaan, projek sosial seperti rumah anak yatim dan pusat perlindungan di atas tanah wakaf.

Dalil galakan dan ganjaran kepada pewakaf.

Firman Allah S.W.T;

مَثُلُّ الَّذِينَ يُفْعِلُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثْلُ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مَا تَهُدِّهُ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُصْنِعُ مِنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

"Bandingan (perbelanjaan derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah seperti sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan(ingatlah) Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah amat luas (rahmat) kurniaNya lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.

(Surah al-Baqarah: ayat 261)

Hadith riwayat Muslim;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ (إِذَا ماتَ إِنْسَانٌ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلٌ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يَنْتَعِنُ بِهِ أَوْ وَلْدٌ صَالِحٌ يَدْعُ لَهُ)

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasullullah S.A.W. telah bersabda "Apabila mati anak Adam akan terhentihil amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkannya atau anak yang soleh yang mendoakannya".

Bahagian wakaf terbahagi kepada dua:

• Wakaf Ahli (Wakaf Keluarga):

Iaitu wakaf yang memberi manfaat kepada keturunan

mauquf alaih seperti anak,cucu dan seterusnya. Contohnya, "Saya mewakafkan kesemua harta saya kepada anak cucu dan keturunan saya untuk selamanya".

• Wakaf Khairi (Wakaf Kebajikan):

Iaitu wakaf yang diperuntukan bagi tujuan kebajikan semata-mata. Wakaf Khairi terbahagi kepada 2 iaitu;

i) Wakaf Am;

Wakaf yang tidak dikhaskan oleh pewakaf kepada pihak tertentu. Contohnya seperti seorang mewakafkan sebidang tanah untuk kebajikan am. Dalam wakaf ini, Nazir Wakaf (Pemegang Amanah) dibenarkan mentadbir tanah tersebut untuk apa jua bentuk pembangunan yang boleh memberikan hasil sebaik mungkin tanpa terikat dengan bentuk pembangunan tertentu. Manakala manfaatnya pula diagihkan kepada apa juga bentuk kebajikan am yang mana pahalanya berterusan kembali kepada pewakaf. Wakaf Am ini di bahagi kepada 5 bahagian:

• Wakaf Irsod

Ia adalah wakafan bukan daripada pemiliknya, tetapi daripada Raja atau harta Baitulmal pada *masarifnya* atau harta yang diwakafkan oleh pihak Kerajaan seperti yang diwartakan sebagai tapak masjid, surau, sekolah agama, rumah kebajikan, Islam dan perkuburan.

• Wakaf Saham

"Wakaf Saham" ertiinya mewakafkan saham-saham syarikat perniagaan dengan belian atau saham-saham yang sedia ada, untuk kepentingan ummah.

• Saham Wakaf

"Saham Wakaf" ertiinya mewujudkan suatu wakaf *musytarak* melalui saham-saham dengan syarat-syarat wakaf atau yang kemudian daripadanya diwakafkan.

• Wakaf Musytarak

Ialah penyatuan beberapa wakaf termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui *Istibdal* dan saham wakaf.

• Wakaf Musya'

Ialah mewakafkan apa-apa hak ke atas mana-mana harta yang dimiliki bersama yang tidak boleh dipecah bahagikan.

ii) Wakaf Khas;

Wakaf yang manfaatnya dikhaskan kepada pihak tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh pewakaf. Contohnya;

• Wakaf rumah khas untuk anak-anak yatim

• Wakaf kedai hasilnya dikhaskan kepada masjid atau surau atau madrasah tertentu sahaja

SYARAT-SYARAT WAKAF

Hendaklah dibuat secara kekal tanpa dihadkan untuk mana-mana tempoh tertentu. Bagi Wakaf Khas, tujuan dan maksud Wakaf hendaklah dinyatakan dengan jelas dan tidak sah Wakaf jika tidak dinyatakan tujuan dan maksudnya. Harta yang telah diwakafkan tidak boleh ditarikbalik, tidak boleh diubah-ubah tujuannya dan tidak boleh tertakluk kepada syarat-syarat lain kecuali melalui pelaksanaan wakaf *istibdal*.

RUKUN- RUKUN WAKAF

Rukun-rukun wakaf terbahagi 4 perkara;

- i. Pewakaf (*al-waqif*)
- ii. Harta yang diwakafkan (*al-mawquf*)
- iii. Penerima manfaat wakaf (*al-mawquf 'alaih*)
- iv. Pernyataan wakaf (*al-sighah*)

SYARAT-SYARAT PADA RUKUN WAKAF

i) Syarat Pewakaf (*al-waqif*)

- Seorang yang merdeka, baligh, berakal,
- Berkelayakan untuk bersedekah harta miliknya.
- Sukarela dan redha mewakafkan harta miliknya.

ii) Syarat Harta yang diwakafkan (*al-mawquf*)

- Harta yang diwakafkan berbentuk objek yang tertentu seperti mewakafkan sebuah rumah. Mewakafkan manfaat sesuatu harta tanpa objeknya tidak sah.
- Harta yang hendak diwakafkan hendaklah milik pewakaf serta memberi faedah dan manfaat dan boleh dipindah milik.
- Harta yang hendak diwakafkan boleh digunakan selama-lamanya
- Penggunaan harta wakaf mestilah diharuskan oleh syara'.

iii) Syarat Penerima manfaat wakaf (*al-mawquf 'alaih*)

- Penerima khusus sama ada seorang atau lebih
- Penerima tidak khusus, contohnya mewakafkan kepada golongan tertentu seperti golongan fakir.

iv) Syarat Pernyataan Wakaf (*al-sighah*)

- Akad ialah kata-kata yang boleh difahami atau tulisan untuk sesuat tujuan wakaf samada wakaf am atau wakaf khas . Akad adalah wajib bagi mengesahkan wakaf.
- Lafaz akad terbahagi dua bahagian:-
 - a) Lafaz Soreh; lafaz yang jelas membawa maksud yang tertentu sahaja seperti "Saya mewakafkan rumah saya untuk orang-orang fakir".
 - b) Lafaz Kinayah; lafaz yang membawa banyak maksud seperti "Hartaku adalah sedekah kepada fakir miskin".

HIKMAH IBADAH WAKAF

Hikmah-hikmah yang terdapat dalam ibadah wakaf adalah;

- i) Menzahirkan pengabdian diri kepada Allah S.W.T.
- ii) Mendekatkan diri dengan Allah.
- iii) Mendapat kebajikan yang berkekalan semasa hidup dan selepas pewakaf meninggal dunia.
- iv) Berkongsi manfaat di kalangan masyarakat Islam seperti membina masjid dan sekolah untuk menghidupkan syiar Islam dan aktiviti keilmuan.
- v) Mengukuhkan perpaduan ummah.

CARA MEWAKAFKAN HARTA

Jabatan Wakaf Zakat & Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri berperanan membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) membangunkan tanah wakaf. Melalui penyaluran peruntukan kewangan kerajaan persekutuan, JAWHAR dengan kerjasama MAIN merancang, membangun dan melaksana tanah wakaf di seluruh Malaysia.

Sekiranya anda berminat untuk mendapatkan maklumat ibadah wakaf sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung terus dengan MAIN masing-masing. Alamat adalah seperti di laman utama website kami www.jawhar.gov.my atau menghubungi terus MAIN seperti berikut:

| ALAMAT | TELEFON | WEBSITE |
|--|-------------------|--|
| Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan | 09 7481512 | www.maik.kelantan.gov.my |
| Majlis Agama Islam Johor | 072282999 | www.maij.gov.my |
| Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu | 09 6252525 | www.maidam.terengganu.gov.my |
| Majlis Islam Sarawak | 082 243425 | - |
| Majlis Agama Islam Melaka | 06 2849809 | www.maim.gov.my |
| Majlis Agama Islam Negeri Sembilan | 06- 7620645/42/43 | www.mains.gov.my |
| Majlis Agama Islam Selangor | 03-5514 3570 | www.mais.gov.my |
| Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan | 03-22749333 | www.maiwp.gov.my |
| Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak | 05 2548776 | www.maiamp.gov.my |
| Majlis Agama Islam Pulau Pinang | 04 2260380 | www.mainpp.gov.my |
| Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang | 09 5165120 | - |
| Majlis Agama Islam Negeri Kedah | 04 7343755 | www.maik.gov.my |
| Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis | 04 9794403 | - |
| Majlis Ugama Islam Sabah | 088 267090 | - |

Y.B. MENTERI DI JPM SELAMAT PULANG KE TANAH AIR, 27 Disember 2007

Penerbangan Menteri di JPM, Y.B. Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin dan rombongannya telah selamat tiba di KLIA pada 27 Disember 2007, jam 2.00 petang.

Tujuan Lawatan Kerja Y.B. Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin ke Arab Saudi selama 16 hari adalah mewakili Kerajaan Malaysia pada



musim haji 1428H/2007M bagi memantau pengurusan jemaah haji Malaysia serta menyambut Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan mengiringi Baginda melawat maktab jemaah haji.

Kepulangan Y.B. Menteri di JPM telah disambut oleh Ketua Pengarah JAWHAR Dr. Sohaimi bin Salleh serta isteri, pengarah-pengarah JAWHAR, Timbalan Ketua Pengarah JAKIM, pegawai Pejabat Y.B Menteri di JPM, pegawai Lembaga Tabung Haji dan pegawai YaPIEM di KLIA.

MESYUARAT JPBK BIL. 1/2007 DAN MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK JAWHAR 2007-2011, 30 November 2007



Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan (JPBK) Bil. 1/2007 dan Majlis Pelancaran Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) telah diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. Mesyuarat dan pelancaran ini berlangsung pada hari Jumaat, 30 November 2007 bersamaan 20 Zulkaedah 1428H. Mesyuarat bermula pada jam 8.30 pagi dan dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Dato' Dr. Abdullah b. Md. Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan ahli mesyuarat seramai 27 orang.



Seterusnya Majlis Pelancaran Pelan Strategik JAWHAR diadakan selepas tamat mesyuarat pada jam 11.30 pagi. Seramai 113 orang hadirin, termasuk 26 para jemputan, 75 warga JAWHAR, dan 12 orang wakil media. Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian & pelancaran Pelan Strategik JAWHAR dan Manual Siri Pengurusan JAWHAR oleh Y.B. Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Selesai ucapan para tetamu diberi buku Pelan Strategik JAWHAR & Manual Siri Pengurusan JAWHAR. Majlis diakhiri dengan jamuan makan disamping tayangan iklan zakat.

LAWATAN Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM, SETIAUSAHA PARLIMEN DI JABATAN PERDANA MENTERI KE JAWHAR, 8 JANUARI 2007



Y.B. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri telah sudi meluangkan masa untuk mengadakan lawatan ringkas ke JAWHAR. Kedatangan Y.B. Dato' telah disambut meriah oleh Ketua Pengarah, Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Timbalan Ketua Pengarah, En. Abd Ghafar bin Yusof dan seluruh warga JAWHAR. Penyampaian Jaket Korporat JAWHAR telah disampaikan oleh Pn. Nikhat bt Niaz Ahmad, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JAWHAR.

Kemudian majlis diteruskan dengan perjumpaan Pengarah-Pengarah Bahagian bersama Y.B. Dato' yang diadakan di dalam Bilik Gerakan

JAWHAR. Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan aluan oleh Y.Bhg. Ketua Pengarah dan diikuti dengan tayangan video korporat JAWHAR serta tayangan iklan zakat disamping penerangan mengenai program dan aktiviti jabatan oleh Y.Bhg. Ketua Pengarah sebelum Y.B. Dato' menyampaikan amanat beliau.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar warga JAWHAR bersama Y.B. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim sebelum majlis jamuan ringan yang berakhir pada pukul 4.00 petang.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) 4 JANUARI 2007



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan Universiti Sains Malaysia (USM) telah diadakan pada 4 Januari 2008M bersamaan 25 Zulhijjah 1428H di Bilik Persidangan Canselor, USM. Majlis ini bermula jam 11.30 pagi dengan ucapan aluan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak, Naib Canselor USM dan ucapan balas oleh Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR. Seterusnya, majlis diteruskan dengan upacara menandatangani dokumen MoU oleh Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh dan Y.Bhg. Prof. Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak. MoU ini amatlah bermakna kerana ini merupakan hubungan kerjasama yang akan menghasilkan banyak kajian dan latihan dalam usaha memartabatkan ummah melalui kecemerlangan di dalam bidang zakat, wakaf, mal dan haji yang selaras dengan hasrat Y.A.B. Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mampu memacu kecemerlangan dan keterbilangan Ummah dengan pelbagai produk yang berteraskan syariat Islam.

ZAKAT SEBAGAI WADAH PEMBASMIAN KEMISKINAN

Oleh: Ruslan bin Said

Semua umat Islam wajib menyakini dan mengakui bahwasanya Islam merupakan agama *rahmatan lil 'aalamiin*, yang mengajarkan setiap umatnya untuk mewujudkan kehidupan yang adil, makmur, tenteram, dan harmoni antara si miskin dan si kaya bila dan di manapun berada. Namun realitinya, kedudukan umat Islam masih belum sempurna, misalnya tahap kemampuan ekonomi umat masih rendah dan belum begitu mantap. Keadaan tersebut terjadi kerana potensi-potensi yang dimiliki umat Islam belum dimanfaatkan dan dikembangkan secara optimum dan belum mampu mengubah taraf hidup umat keseluruhannya ke arah yang lebih baik.

Zakat adalah salah satu di antara lima rukun Islam dan ia juga merupakan ibadah yang mempunyai keunikian tersendiri, kerana di dalamnya terdapat dua dimensi sekaligus, yakni dimensi kepatuhan atau ketataan dalam konteks hubungan antara hamba dan pencipta dan hubungan sesama manusia.

Selain itu, zakat yang menjadi sebahagian daripada Rukun Islam, telah diatur dan disyariatkan dengan sempurna sehingga bila keengganan mematuhi boleh menyebabkan kekufturan. Zakat yang pada bahasa bererti membersihkan, bertambah dan tumbuh. Zakat merupakan ibadah yang bercorak sosial-ekonomi, sebagai kewajipan seseorang muslim untuk mengeluarkan sebahagian hak miliknya kepada pihak yang berhak untuk menerimanya agar tercipta kesamarataan ekonomi yang adil.

Zakat merupakan ibadah yang mempunyai dimensi yang sangat luas. Ini dapat dilihat daripada sasaran zakat yang berkaitan aspek dakwah (muallaf) dan penegakkan agama Allah S.W.T. (*fi sabilillah*). Oleh sebab itulah, Yusuf Qardhawi berpendapat bahawa dalam agama Islam harus ada jamaah dan kekuasaan yang mengumpulkan zakat melalui para petugasnya dan kemudian mengeluarkannya untuk menyebarkan agama Allah S.W.T., yang termasuk di dalam makna *fi sabilillah*.

Dalam zakat terdapat unsur yang mengengahkan sikap gotong-royong dan tolong-menolong. Di mana zakat dapat membantu orang-orang yang memerlukan bantuan seperti membantu menyelesaikan hutang bagi orang-orang yang sedang menanggung beban hutang. Zakat juga menolong orang-orang yang sedang dalam perantauan yang kehabisan sumber kewangan. Dengan zakat juga, dakwah Islam dapat diperluas peranannya termasuk untuk menjinakkan hati para muallaf. Misi sosial zakat yang begitu idealis tersebut tidak dapat dipenuhi dengan baik tanpa adanya lembaga pengelolaan zakat yang dijalankan secara profesional. Menurut Yusuf Qardhawi, zakat merupakan salah satu dari aturan jaminan sosial dalam Islam, dan Islam memperkenalkan aturan ini dalam ruang lingkup lebih luas dan mendalam yang merangkumi semua segi kehidupan manusia.

Zakat dipandang sebagai aturan jaminan sosial pertama yang tidak bergantung pada pertolongan penguasa secara sistematis.

Tujuan akhirnya adalah memenuhi keperluan asas seperti makan minum, perumahan, mahupun keperluan hidup lainnya bagi orang yang memerlukan. Pelaksanaan kewajiban zakat ini sangat penting, bahkan Allah S.W.T. sering mengaitkannya dengan kewajipan melaksanakan solat. Dalam penafsiran Muhammad Abduh, penggabungan antara solat dan zakat menunjukkan peranan penting keduanya dalam kehidupan manusia. Dengan solat, setiap muslim diharapkan memiliki jiwa yang bersih dan suci dari perbuatan keji dan kotor. Sedangkan dengan zakat, umat Islam diharapkan menjadi masyarakat yang kukuh dan berpadu dalam segala bidang.

Pada masa awal Islam, zakat merupakan salah satu sumber dana negara dan sangat berperanan aktif dalam mengembang serta membangun kesejahteraan umat, terutama dalam bidang ekonomi. Oleh kerana itu, boleh dikatakan sekurang-kurangnya terdapat tiga aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan kewajiban zakat. Pertama, aspek moral dan psikologi, di sini diharapkan zakat dapat mengikis ketamakan dan keserakahatan si kaya yang memiliki kecenderungan cinta harta. Kedua, aspek sosial, dalam hal ini zakat bertindak sebagai alat khas yang diberikan Islam untuk menghapus taraf kemiskinan masyarakat dan sekaligus menyedarkan orang-orang kaya akan tanggungjawab sosial yang diamanahkan agama kepada mereka. Ketiga, aspek ekonomi, zakat yang disyariatkan adalah pentarbiahan terhadap sifat manusia yang cenderung kepada harta kekayaan dan keseimbangan ekonomi sebagaimana firman Allah S.W.T.:

"Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, yaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik (syurga)".

(Surah Aali Imran: 14)

Peranan zakat sangat penting dalam usaha pengembangan ekonomi umat Islam. Agar pelaksanaannya lebih berkesan, Yusuf Qardhawi menyatakan bahawa urusan zakat sebaiknya jangan diuruskan sendiri oleh '*muzakki*' (orang yang mengeluarkan zakat), melainkan dipungut oleh petugas zakat yang telah dilantik oleh pemerintah. Contoh pihak yang dimaksudkan adalah seperti seperti Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Pusat Zakat Selangor (PZS), Majlis-Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang merupakan jabatan Kerajaan yang telah diberi tanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan kutipan dan agihan zakat dijalankan secara teratur. Pihak yang telah dilantik oleh pemerintah ini akan mampu untuk melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan dalam urusan zakat ini.

MAJLIS PELANCARAN MEDIA DOKUMENTARI INFAC, 17 JANUARI 2008



KURSUS INTENSIF HAJI JAWHAR,
3 & 4 DISEMBER 2007



PERHIMPUNAN BULANAN JAWHAR &
PENYERAHAN WATIKAH PELEN STRATEGIK,
6 DISEMBER 2007



PELAN STRATEGIK JAWHAR 2007 - 2011



ISSN 1985-2029



9 771985 202000